

28 APR 1997

Mohamed-Istilah

RTM GUNA ISTILAH PENGGANAS MENGIKUT AGAMA

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) diminta menggunakan secepat mungkin istilah pengganas mengikut agama yang dianuti apabila merujuk kepada keganasan yang dilakukan oleh bukan Islam.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata adalah wajar bagi media negara ini dan negara-negara Islam yang lain menggunakan istilah itu memandangkan media Barat suka melabelkan setiap keganasan yang dilakukan oleh orang Islam sebagai pengganas Islam.

"Kita mesti juga tunjukkan kepada dunia bahawa orang bukan Islam juga melakukan keganasan dan sebagai contoh jika keganasan dilakukan oleh orang Kristian, kita akan gunakan istilah pengganas Kristian," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Setiausaha Agung Sekretariat Hubungan Luar dan Kerjasama Antarabangsa Libya Dr Salem I. Salem di Angkasapuri di sini, hari ini.

Mohamed berkata demikian bagi mengulas cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya media negara-negara Islam turut menyebut "pengganas Kristian" atau "pengganas Katolik" ketika merujuk keganasan yang dilaku oleh bukan Islam.

Mohamed berkata media Barat menggunakan istilah pengganas Islam kerana mereka mempunyai pandangan serong terhadap Islam dan istilah itu juga menunjukkan setiap keganasan berlaku di negara mereka dilakukan oleh orang Islam.

Mohamed berkata cadangan Perdana Menteri itu pada perasmian simposium antarabangsa mengenai Dunia Islam dan Kerjasama Global Jumaat lepas adalah wajar dan tepat pada masanya.

Mohamed berkata sebagai contoh keganasan yang sedang berlaku di Rwanda, Afrika, yang majoriti rakyatnya adalah Kristian, media Islam patut menggunakan istilah pengganas Kristian supaya dunia tahu bahawa bukan Islam juga melakukan keganasan.

Mengenai peranan media dalam mendaulatkan ajaran Islam serta pengikut-pengikut agama Allah itu di peringkat global, Mohamed berkata RTM minggu lepas telah menandatangani perjanjian dengan Middle East Broadcasting Corporation (MBC), sebuah syarikat penyiaran satelit di Eropah, bagi membekalkan program-program berbentuk dokumentari dan hiburan yang menyentuh kehidupan harian orang Islam.

Mohamed berkata program-program yang dibekalkan oleh RTM itu akan dialih bahasa. MBC menyiarkan programnya dalam bahasa Arab dan Inggeris.

Selain itu, RTM melalui rangkaian Suara Malaysia mulai tahun ini menambahkan waktu siaran "Suara Islam" selama dua jam lagi menjadikan empat jam sehari.

Daripada maklum balas yang diterima, katanya, program dalam bahasa Melayu dan Inggeris itu, kini mula mendapat perhatian daripada para pendengar termasuk di India dan Sri Lanka.

Dalam konteks yang sama, Mohamed berkata pada mesyuarat Menteri-menteri Penerangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang lepas bersetuju untuk mengadakan rangkaian televisyen "Islam Vision" sebagai satu langkah menentang dakyah terhadap Islam oleh Barat.

Malaysia telah pun memohon sekretariat OIC supaya mempercepatkan pelaksanaan rangkaian itu dan Malaysia menyatakan kesediaannya untuk menyediakan program-program gambaran baru mengenai Islam.

Mengenai perjumpaan dengan Salem I. Salem, Mohamed yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), berkata mereka membincangkan mengenai

kerjasama antara BN dan parti politik Libya.

"Ini selaras dengan hasrat BN untuk mengadakan hubungan dengan semua parti politik yang memerintah di seluruh dunia, tanpa mengira sistem dan ideologi," katanya.

Salem juga menjemputnya untuk melawat Libya dalam usaha menjalinkan hubungan kerjasama politik. -- BERNAMA

SJA OBA